



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 11 DISEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	<b>GALAK GOLONGAN MUDA JADI PETANI MODEN BERILMU, KOMEMTAR, SH -11</b>	<b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)</b>
2.	<b>ALONG JADI PENEMAN TUNGGAL SYUKUR, NEGARA, KOSMO -11</b>	<b>JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)</b>
3. 4.	<b>KUDA LAUT DITEMUKAN TERAPUNG, DALAM NEGERI, UM -33 EKOSISTEM AKUATIK PULIH KETIKA COVID-19, GAYA ALAM, UM -26&amp;27</b>	<b>JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)</b>
5. 6.	<b>MAQIS SITA GETAH BEKU ROSAK RM4.8 JUTA DI PELABUHAN, NEGARA, KOSMO - 18 SUSU GETAH BEKU PENUH SERANGGA, NASIONAL, BH -28</b>	<b>JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)</b>
7. 8. 9.	<b>MARDI LAKAR SEJARAH BAHARU, NASIONAL, SH -13 4 FOOD SAFETY TESTING KITS LAUNCHED, NATION/NEWS, NST -11 MARDI LANCAR EMPAT KIT KESAN PENCEMARAN DALAM PRODUK PERTANIAN, ONLINE, BERNAMA</b>	<b>INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PETANIAN MALAYSIA (MARDI)</b>
10.	<b>HAWAR BULIR BAKTERIA ANCAM INDUSTRI PADI, NASIONAL, BH -30</b>	<b>LEMBAGA KEMAJUAN PETANIAN MUDA (MADA)</b>
11. 12.	<b>1,000 PESAWAH TERJEJAS, RUGI RM2J, DALAM NEGERI, UM -30 EKSPLOITASI HARGA PUNCA MASALAH BEKALAN BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM -29</b>	<b>LAIN-LAIN</b>

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

# Galak golongan muda jadi petani moden berilmu

Belanjawan 2021 meletakkan fokus serius membangunkan sektor pertanian berdasarkan jumlah peruntukannya.

Oleh itu, golongan belia perlu digalakkan untuk menceburi bidang ini yang dilihat berpotensi mencipta pekerjaan sendiri dan meluaskan peluang pekerjaan.

Apatah lagi, sektor pertanian bertambah strategik untuk dibangunkan pasca-COVID-19 berdasarkan kepentingan kelangsungan makanan negara.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan sekurang-kurangnya 14.4 juta orang di 101 negara mengalami makanan bersih bakal berhadapan risiko kekurangan makanan akibat krisis ekonomi disebabkan COVID-19.

Kita tidak menafikan usaha dilaksa-

nakan kerajaan dalam mengalakkan belia untuk menceburi bidang pertanian dan pembaharuan hala tuju dilaksanakan dalam sektor ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata hala tuju baharu itu termasuk mengoptimalkan penggunaan tanah dan meningkatkan aplikasi teknologi moden.

Ini bertujuan membangunkan kepelbagaian berkualiti bagi industri padi dan sayuran serta buahan bermilai tinggi bagi tujuan domestik dan eksport.

Strategi dan aspirasi seperti 'petani moden' yang dicanangkan kerajaan dilihat antara peluang perlu disahut belia. Ini bermakna mengoptimalkan tenaga kerja petani dengan penggunaan teknologi terkini seperti dron.

Penggunaan teknologi khususnya Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) itu, bertujuan memastikan kualiti dan kuantiti hasil tuai berlipat kali ganda berbanding kaedah lama. Kemajuan teknologi sepa-

tutnya menjadi alat membantu manusia kembali berbakti kepada tanah, seterusnya menjamin kelestarian ekosistem dan bukannya lesen untuk mengeksploitasi alam sewenang-wenangnya.

Namun, memupuk minat belia untuk bertani mencabar; tambahan lagi dengan kepesatan era digital yang penumpuan lebih kepada keusahawanan digital.

Peringatan dalam kertas kerja bertajuk *Faktor Penyertaan Belia Graduan Universiti Dalam Sektor Pertanian di Malaysia dalam National Conference on the Sciences and Social Science (NACOSS) 2018* perlu diberi perhatian.

Ia mengakui kesedaran kerajaan untuk mengusahakan sektor pertanian semakin meningkat, namun minat dan kecenderungan belia terhadap pertanian semakin menurun disebabkan banyak faktor.

Antaranya, kurang pengetahuan, kemahiran, minat dan tidak tahu kaedah memulakan pertanian komersial. Dari segi faktor luaran, kekurangan belia graduan dalam pertanian disebabkan

kurang pendedahan terhadap budaya pertanian sejak awal persekolahan, ketiadaan maklumat lengkap prosedur dan tatacara boleh diikuti untuk menceburi bidang pertanian serta harga komoditi pertanian tidak stabil.

Ini belum lagi persepsi belia sendiri yang menganggap pertanian sesuai untuk generasi tua dan orang kampung berbanding bidang perniagaan yang suasananya lebih bersih serta kondusif.

Justeru, perancangan terhadap sektor pertanian sewajarnya tidak terhad kepada peruntukan bauxite kewangan, malah perlu disuburkan dengan ilmu pengetahuan dan kesedaran yang perlu diperkuk sejak awal lagi dalam kalangan belia.

Golongan muda perlu ditanam supaya minat menceburi pertanian kerana hasilnya, negara boleh menangani pergantungan tinggi terhadap import makanan.

**Penulis adalah Ketua Khidmat Institute, Persatuan Belia Islam Nasional Malaysia**



**Nur Irdina  
Hakimah  
Nor Azali**

Semangat 'Mogwli Malaysia' semakin pulih selepas kejadian hawar berdarah

# Along jadi peneman tunggal Syukur

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Kasih Muhammad Syukur Khamis, 15, yang lebih dikenali sebagai 'Mogwli Malaysia' kini tertumpah kepada seekor anak kerbau di-gelar Along.

Along merupakan satu-satunya haiwan kesayangannya yang terselamat daripada wabak hawar berdarah yang mengorbankan sebanyak 58 ekor kerbau ternakan bapanya.

Penyakit hawar berdarah itu turut mengorbankan dua ekor kerbau kesayangan Muhammad Syukur iaitu Tokol dan Semek.

Muhammad Syukur berkata, dia membawa balik Along ke rumahnya di Kampung Banggol Ka-

tanya ketika ditemui Kosmo! se-malam.

Muhammad Syukur juga se-ring bergurau dengan Along bagi mengubah kerinduan terhadap Semek dan Tokol.

"Saya tak pernah lupa belajar dan mengikuti kelas online pada sebelah malam," katanya.

Sementara itu, Khamis berkata, emosi Muhammad Syukur pada mulanya agak tercalar selepas kerbau kesayangannya mati sejak 9 September lalu.

Semangat remaja itu pulih selepas mendapat rawatan dari-pada pengamal perubatan alter-natif. Kerbau peliharaan Khamis kini berjumlah 55 ekor termasuk tiga ekor yang dilahirkan pada Oktober lalu.



**KERATAN Kosmo! 16 September 2020.**

tong di sini selepas wabak terse-but reda baru-baru.

"Saya tidak sampai hati meli-hat Along sebatang kara selepas ibunya, Semek mati. Along bagai-kan hilang arah dan kerap dibuli kumpulan kerbau lain.

"Apabila berada di rumah, keadaan Along lebih terjaga," ka-



MUHAMMAD SYUKUR bermesra dengan Along di hadapan rumahnya di Kampung Banggol Katong, Kuala Terengganu semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	28



**KUDA laut dari jenis Hippocampus Trimaculatus dijumpai di tengah laut di Telok Pelanduk baru-baru ini.**

## Kuda laut ditemukan terapung

**PORT DICKSON:** Seekor kuda laut dipercayai jenis Hippocampus Trimaculatus dijumpai terapung dan berpaut pada sehelai daun kecil di perairan luar pantai Telok Pelanduk dekat sini baru-baru ini.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, kuda laut itu dijumpai ketika pihaknya mengadakan program pemantauan pengu-rusan sumber perikanan di kawasan berkenaan.

"Pihak kami menjumpai kuda laut berkenaan lebih kurang lima hingga enam batu nautika dari pantai Telok Pelanduk, Port Dickson.

"Semasa kami buat program di tengah laut, kami nampak di daun berkenaan ada kuda laut sedang berpaut pada daun dan kami mengambilnya untuk diletakkan di Pusat Ikan Hiasan, Port Dickson," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Halimi menjelaskan, pihaknya memuat naik gambar dalam laman sosial Facebook milik Jabatan Perikanan Negeri Sembilan kerana spesies kuda laut berkenaan pertama kali dijumpai di tengah laut dalam.

"Spesies kuda laut ini memang ada di perairan Port Dickson, namun, kebiasannya ia mudah dijumpai pada jaring nelayan dan di sekitar pantai, jadi agak jarang berlaku ia ditemukan di tengah laut.

"Spesies ini ada tiga ekor di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson dan ia akan ditempatkan di dalam galeri pameran," katanya.

Oleh **INTAN SUHANA  
CHE OMAR**  
intan.suhana@mediamula.com.my

**K**EINDAHAN dan kebersihan Sungai Melaka yang sebelum ini berkeladak dan berwarna coklat seumpama teh tarik, tular apabila ia bertukar jernih seawaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu.

Ramai dalam kalangan masyarakat mengambil kesempatan merakam gambar di sungai berkenaan, yang dianggap suatu kejayaan kerana 'jarang-jarang' berlaku di sungai tengah bandar di negara ini.

Itu, realiti di sebalik tragedi. Ketika ramai mengeluh terkesan dengan pandemik Covid-19 yang telah mengganggu pelbagai aktiviti ekonomi dan sosial, lain pula ceritanya bagi ekosistem alam.

Sejak PKP dilaksanakan beberapa bulan lalu, ia bagaikan memberi 'nafas baharu' kepada ekosistem akuatik. Ia dilihat semakin pulih dan membaik dari kesan-kesan pencemaran akibat aktiviti manusia sebelum ini.

Kualiti air dilihat semakin baik kerana aktiviti menyumbang kepada pencemaran seperti tumpahan minyak pengangkutan air, pelancongan dan aktiviti pelepasan sisa buangan industri telah terhenti, sekaligus memelihara

## Ekosistem akuatik pulih ketika Covid-19



**ZOOPLANKTON** air masin atau dikenali sebagai copepod. Ia memiliki tiga kumpulan berbeza iaitu cyclopoid, calanoid dan harpacticoid.

kelangsungan penghasilan sumber akuatik dalam memenuhi keperluan seharian manusia.

Menurut Pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia

Terengganu (UMT), Dr. Wan Nurul Nadiyah Wan Rasdi, populasi plankton yang dikenali sebagai petunjuk biologi kepada kualiti air juga telah menunjukkan peningkatan.



**“Covid-19 ialah fasa kunci yang telah mendedahkan biodiversiti alam menjadi kembali pulih daripada pencemaran yang sering menjadi isu hangat yang dibincangkan oleh ahli penyelidik alam sekitar.”**

**DR. WAN NURUL NADIAH  
WAN RASDI**

Hai ini secara tidak langsung memulihkan habita hidupan akuatik lain yang bergantung kepada plankton sebagai pengeluar utama dalam trofik makanan.

“Covid-19 ialah fasa kunci yang telah mendedahkan biodiversiti alam menjadi kembali pulih daripada pencemaran yang sering menjadi isu hangat diperbincangkan ahli penyelidik alam sekitar.

“Pemulihan biodiversiti alam ketika PKP lalu, jelas membantu meningkatkan kembali pertumbuhan spesies fitoplankton dan zooplankton dalam ekosistem akuatik secara amnya,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Plankton adalah organism hanyut hidup dalam zon pelagik (bahagian atas) lautan laut, dan takungan air tawar. Ia secara meluas dianggap sebagai salah satu organism terpenting di dunia, kerana menjadi bekalan makanan kepada hidupan akuatik.

Malah bagi kebanyakan hidupan laut, plankton adalah makanan utama mereka.

Plankton terdiri daripada sisa-sisa haiwan dan tumbuhan laut. Saiznya kecil sahaja. Walaupun sejenis benda hidup, plankton tidak mempunyai kekuatan untuk melawan arus, air pasang atau angin yang menghanyutkannya.

### MANFAAT PLANKTON

Menurutnya, plankton berperanan penting sebagai tumbesaran larva ikan krustacea terutamanya spesies ikan pelagik yang



**SUNGAI**  
Melaka tular kerana jernih sejak PKP lalu.  
**GAMBAR**  
**HIASAN**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	GAYA ALAM	27



**FITOPLANKTON** penting sebagai makanan hidupan air.

banyak menjadi sumber makanan dan sumber nutrisi sebagai protein bagi manusia.

Plankton seperti *fitoplankton* dan *zooplankton* memainkan peranan sebagai bahan makanan utama dalam menjamin pertumbuhan dan kemandirian larva ikan, krustacea dan sebagainya yang terdapat dalam sistem akuatik. Terutamanya spesies ikan yang menjadi sumber makanan negara.

**KELESTARIAN EKOSISTEM**

Jelas Wan Nurul, *fitoplankton* berperanan penting sebagai makanan untuk ikan pelagik atau turut dikenali sebagai ikan umpan, memandangkan setiap spesies *plankton* mempunyai keunikan dan cirinya tersendiri termasuklah bebas terapung di permukaan air, mudah dihanyutkan oleh peredaran air dan pergerakan

unik dalam air.

Peranan plankton turut dilihat semakin penting di zon pelagik, kerana kebanyakan spesies ikan dalam zon ini dijadikan sumber makanan kepada organisma hidup yang lain. Ciri-ciri plankton bersaiz kecil tetapi mempunyai kadar nutrisi tinggi, menjadi sumber makanan kepada ikan kecil di zon pelagik.

Justeru, ekosistem akuatik ini amat penting sebagai salah satu organisma mikroskopik yang hidup berperanan sebagai sumber kelangsungan hidup bagi hidupan akuatik yang lain.

**SUMBER MAKANAN NEGARA**

Kualiti air sungai dan laut yang terpelihara sepanjang perintah kawalan pergerakan dilaksanakan di seluruh Malaysia, jelas meningkatkan pertumbuhan *fitoplankton* dan *zooplankton*.

Ja secara tidak langsung membantu mengekalkan kestabilan aliran nutrisi hidupan akuatik daripada muara sungai hingga ke laut terutamanya bagi spesies-spesies ikan pelagik yang mencari sumber makanan yang terdapat di permukaan air.

Ja secara tidak langsung telah membantu memulihkan sistem akuatik ke tahap lebih baik sekaligus menjamin kelestarian dan kestabilan sumber makanan dan protein utama bagi rakyat.



**AKTIVITI** manusia mendorong kepada kemusnahan hidupan air. - GAMBAR HIASAN



**ZOOPLANKTON** air tawar spesies *moira sp.* yang biasa digelar sebagai kutu air oleh penternak.



**FITOPLANKTON** atau dikenali sebagai air hijau merupakan pembekal utama nutrisi kepada organisma akuatik lain.



**SEBAHAGIAN** getah beku yang ditemui di dalam salah sebuah kontena di Pelabuhan Klang baru-baru ini.

## Maqis sita getah beku rosak RM4.8 juta di pelabuhan

**KLANG** – Kehadiran serangga perosak *Black Soldier Fly* yang banyak di atas sebuah kapal membongkar 66 buah kontena susu getah beku disyaki berperosak di tengah laut berhampiran Pelabuhan Klang, di sini baru-baru ini.

Kapal tersebut ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) pukul 10 pagi pada 30 November lalu ketika ingin berlabuh di pelabuhan berkenaan.

Pengarah Maqis Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, maklumat mengenai serangga perosak pada kontena itu dimaklumkan oleh kapten kapal berkenaan.

Katanya, Maqis telah mengarahkan syarikat tersebut untuk melakukan fumigasi terlebih dahulu sebelum kapal tersebut berlabuh di Pelabuhan Klang

Barat.

“Hasil pemeriksaan kontena itu mendapati membawa muatan seberat 577,708 kilogram susu getah beku dianggarkan bernilai RM4.8 juta.

“Barangan tersebut diimport dari Ghana oleh tiga buah syarikat untuk proses membuat tayar,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, siasatan mendapati syarikat-syarikat berkenaan mempunyai permit pengimportan susu getah beku.

Tambah beliau, ketiga-tiga syarikat kini disiasat atas kesalahan Seksyen 14 (a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan hukuman denda RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

# Susu getah beku penuh serangga

**Pelabuhan Klang:** Belum sempat berlabuh, sebuah kapal yang membawa 66 kontena susu getah beku dipenuhi serangga perosak ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor di tengah laut berhampiran kawasan Pelabuhan Barat, jam 10 pagi, 30 November lalu.

Susu getah beku seberat 577,708 kilogram itu dianggarkan bernilai RM4,829,116.44.

Pengarah MAQIS Selangor, Dr Tarmisal Alimin, berkata ia ditahan dan diperiksa oleh MAQIS sebaik menerima maklumat daripada kapten kapal yang memaklumkan terdapat banyak serangga perosak pada kontena di atas kapal itu.

"Pemeriksaan oleh MAQIS mendapati susu getah beku itu diimport dari Ghana oleh tiga syarikat dipercayai untuk membuat tayar," katanya dalam kenyataan, semalam.

Tarmisal berkata, pihaknya mendapati serangga perosak yang memenuhi kontena berkenaan dikenal pasti sebagai 'Black Soldier Fly'.

"Pihak kapal diarahkan melakukan fumigasi (rawatan untuk mematikan serangga) terlebih dahulu sebelum kapal itu berlabuh di kawasan pelabuhan.

"Tiga syarikat itu disiasat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dan jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, menjadi suatu kesalahan mengimport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang mempunyai bahan perosak dan berpenyakit.



**Kedadaan susu getah beku yang dipenuhi serangga di dalam kontena yang ditahan MAQIS di tengah laut berhampiran kawasan Pelabuhan Barat**

(Foto ihsan MAQIS)



# MARDI lakar sejarah baharu

Hasilkan empat Teknologi Kit  
Pengesanan MARDIsense

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

**KUALA LUMPUR**

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) melakar kejayaan terbaru apabila berjaya menghasilkan empat Teknologi Kit Pengesanan MARDIsense yang berupaya mengesan kandungan berbahaya dalam sumber makanan dengan lebih pantas.

Kit pengesanan pantas itu ialah *Antibiotic Sensor Kit*, *Algae Bloom Biotoxin Sensor Kit*, *Malachite Green Sensor Kit* dan *Foodborne Pathogen Test Kit* yang dicipta berasaskan teknologi biosensor serta *lateral flow*.

Kesemua kit pengesanan itu dilancarkan sempena persidangan National Conference on Precision Biotechnology In Agriculture (NCPBA) 2020 yang

diadakan secara webinar semalam.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, penemuan hasil kajian selama lima tahun itu menjadi penemuan yang besar dicapai MARDI kerana mampu dimanfaatkan bukan hanya pada peringkat nasional, malah global.

Menurutnya, perkembangan itu juga diyakini mampu menjadikan MARDI sebagai entiti yang akan terus bergerak ke arah penemuan untuk manfaat aspek keselamatan makanan khususnya.

"Empat penemuan ini akan memberi manfaat kepada bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi masyarakat dunia keseluruhannya yang prihatin tentang keselamatan makanan."

"Pemantauan dan penilaian aktiviti kawalan keselamatan makanan bagi mencegah, mengesan serta menguruskan risiko penyakit bawaan makanan dapat dipermudahkan dengan adanya teknologi pengesanan pantas pencemaran bakteria melalui inovasi MARDI.

"Ia membuktikan bahawa MARDI sentiasa ke hadapan dalam menghasilkan

FOTO: ROSLI TALIB



Ronald (tiga dari kanan) dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor (tiga dari kiri) pada Peresimban NCPBA 2020 di Kuala Lumpur semalam.

kan inovasi terkini melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan, sesuai dengan tagline 'From Lab To Table' atau 'Dari Makmal ke Meja Hidangan,'" katanya pada Perasmian NCPBA 2020 di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang di sini semalam.

Persidangan bertemakan 'Navigating

The Present, Shaping The Future' itu merupakan platform bagi institusi penyelidikan, universiti, pembuat dasar dan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan agroteknologi untuk mendebatkan hasil penyelidikan mereka demi pembangunan industri bioteknologi yang lebih dinamik dan cemerlang.

## MARDI SENSE

# 4 FOOD SAFETY TESTING KITS LAUNCHED

Minister praises Mardii's innovations, saying they are the result of six years of hard work

KALBANA PERIMBANAYAGAM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardii) yesterday launched four new biotechnology innovations to improve Malaysia's food safety.

Mardii unveiled Mardii Sense, which comprises four food safety testing kits: Antibiotic Sensor Kit, Algae Bloom Biotoxin Sensor Kit, Malachite Green Sensor Kit and Foodborne Pathogen Test Kit.

These are expected to help improve the safety and quality of agricultural products.

Speaking at the Mardii Sense launch, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee said the innovations were a result of six years of hard work by Mardii researchers.

"These detectors will help the farming, poultry and fisheries sectors excel and produce safer food.

"These detector kits, mainly used to read the level of contam-

ination in food, are user-friendly, easy to use in the field and affordable."

Khandee said these products had precise readings, were simple to use, and had a shorter testing procedure and duration that produced instant readings of agricultural products.

"This is a scientific breakthrough by Mardii and has great potential internationally, because food safety and food security are a grave concern in the world."

The launch was held in conjunction with the virtual National Conference on Precision Biotechnology in Agriculture.

Present were Farmers Organisation Board director-general Azulita Salim and Mardii director-general Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

The first kit is the Antibiotic Sensor Kit, which can detect antibiotic residues, such as Nitrofurans and Chloramphenicol waste in poultry and in aquaculture produce.

The Malachite Green Sensor Kit is to trace Malachite Green, a dangerous chemical used in the aquaculture industry.

The Algae Bloom Sensor Kit detects microalgae and biotoxins that can affect the fishing industry and poison shell fish.

Khandee said six detections in the fishing industry this year had resulted in an estimated RM20 million in losses.

These kits are equipped with



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee launching the food safety testing kits at the Mardii Sense event in Kuala Lumpur yesterday. With him is Mardii director-general Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor (left). PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

Android-based biosensor devices with 4G network, global positioning system and built-in mobile applications for tracking analytics in the field.

The Foodborne Pathogen Test Kit allows fast detection of food contaminants, such as E.coli, Salmonella and Listeria, in food.

He said this kit could detect

three types of bacteria on one strip within between 24 and 48 hours compared with the usual three to six days.

"With this fast-tracking technology, food safety and security can be improved to ensure the safety and quality of agricultural and agro-food for the people."

"Monitoring food safety activ-

ities can prevent foodborne diseases.

"This can be facilitated with this rapid-detection technology created by Mardii.

"This proves that Mardii is ahead in innovations via its research and development, in line with its tagline 'From Lab To Table'."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2020	BERNAMA	ONLINE	

## MARDI LANCAR EMPAT KIT KESAN PENCEMARAN DALAM PRODUK PERTANIAN



KUALA LUMPUR, 10 Dis -- Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) hari ini melancarkan empat produk inovasi bioteknologi yang mampu mengesan sisa antibiotik, bahan kimia, biotoksin dan bakteria dalam hasil pertanian sekali gus meningkatkan kualiti serta tahap keselamatan produk pertanian dan agromakanan.

Produk itu ialah '*Antibiotic Sensor Kit*' yang mampu mengesan sisa antibiotik dalam industri ternakan dan akuakultur serta '*Malachite Green Sensor Kit*' yang mampu mengesan bahan kimia antikulat berbahaya yang digunakan bagi merawat parasit dan kulat pada ikan.

Dua lagi produk ialah '*Algae Bloom Biotoxin Sensor Kit*' untuk mengesan mikroalga dan biotoksin yang menyebabkan pencemaran kepada air laut serta keracunan kepada kerang-kerangan manakala kit pengesanan bakteria secara pantas '*Foodborne Pathogen Test Kit*' boleh mengenal pasti bakteria makanan seperti E.coli, Salmonella dan Listeria yang menyebabkan cirit-birit, muntah serta demam dan boleh membawa maut.

Kit yang dihasilkan MARDI itu dilengkapi peranti biosensor mudah alih berasaskan Android dengan rangkaian 4G, sistem kedudukan global (GPS) dan aplikasi mudah alih bagi pengesanan di lapangan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata teknologi yang dihasilkan MARDI menerusi kajian selama lima tahun itu berpotensi dimanfaatkan bukan sahaja oleh masyarakat Malaysia malah komuniti dunia yang mengutamakan keselamatan makanan.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan keempat-empat produk hari ini, beliau berkata kit pengesanan yang dibangunkan MARDI adalah mesra pengguna dan menjimatkan kos serta masa kerana hanya mengambil masa 48 jam bagi analisis pengesanan pencemaran berbanding kaedah kultur konvensional yang memerlukan tempoh sehingga enam hari.

Katanya inovasi MARDI mampu memudahkan pemantauan dan penilaian aktiviti kawalan keselamatan makanan bagi mencegah, mengesan serta menguruskan risiko penyakit bawaan makanan.

# Hawar Bulir Bakteria ancam industri padi

**Alor Setar:** Penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) yang boleh menjejaskan hasil dan kualiti padi kini dikesan sebagai ancaman baharu industri padi negara, khususnya di Kawasan Muda.

Pengarah Bahagian Industri Padi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Zainuddin Mat Zakaria, berkata BPB disebabkan oleh bawaan bakteria *Burkholderia Glumae* (bawaan benih) dan *Burkholderia Gladioli* (bawaan benih dan tanah), yang menyerang pokok padi pada peringkat berbunga iaitu antara 60 hingga 70 hari selepas aktiviti menabur benih.

Katanya, bakteria itu juga boleh ada pada sisa tanaman, tanah dan air sepanjang musim penanaman dan ia boleh hidup dalam tanah empat bulan dan bagi simpanan benih, ia mampu bertahan hingga tiga tahun pada suhu bilik.

“Ia mempunyai ciri-ciri, antaranya berlaku perubahan warna bijirin padi dan bijirin dijangkiti tersebar tidak sekata pada bulir (buah padi),” katanya kepada BERNAMA di sini, semalam.

11/12/2020

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

# 1,000 pesawah terjejas, rugi RM2j

Oleh MOHD.

HAFIZ ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Sebelum ini, ribuan pesawah di negeri ini dianggarakan mengalami kerugian mencecah RM48 juta satu musim berikutan masalah kelewatan dan kekurangan bekalan benih padi yang dikatakan berlarutan sejak 10 tahun lalu.

Selepas isu tersebut semakin reda dengan para pesawah mula mengusahakan tanaman dan bersedia menuai hasil pada awal tahun depan, terdapat dalam kalangan petani kini menghadapi masalah baharu yang turut menjejaskan hasil tanaman.

Kira-kira 1,000 pesawah dari Arau buntu selepas kawasan bendang dianggarkan seluas 1,000 hektar diusahakan mereka tenggelam setiap kali hujan lebat, sekali gus menyebabkan kerugian hampir RM2 juta.

Pesawah mendakwa, masalah berpunca daripada sekatan di Sungai Pengkalan Asam, di sini yang menyebabkan beberapa sungai sekitar Arau terkesan sehingga berlaku limpahan air ke sawah terbitir setiap kali hujan lebat.

Antara kawasan sawah yang terjejas teruk ialah di Kampung Teluk, Gobak, Alor Banat, Bakong, Banat dan Jawi Bakong dengan setiap kali hujan lebat dikatakan tenggelam hingga paras pinggang.

Lebih memburukkan keadaan, setiap kali sawah mereka tenggelam, ia mengambil masa



**GAMBAR** yang diambil daripada pandangan udara menggunakan drone dikongsi petani kepada Urusam Malaysia ketika sawah mereka di Kampung Bakong, Arau, Perlis ditenggelami air pada 25 November lalu.

lebih 10 hari untuk surut, sekali gus menyebabkan padi yang diusahakan itu rosak.

Dalam tempoh tiga bulan sahaja, sudah enam kali bendang mereka ditenggelami air.

Seorang pesawah dari Kampung Tebuk, Salleh Chin, 58, berkata, setiap kali hujan lebat dan hanya dalam tempoh dua jam sahaja, kawasan bendang di kawasan Arau sudah tenggelam sehingga paras pinggang.

Dia yang mengalami keru-

gangan lebih RM20,000 berikutan masalah tersebut berkata, mereka terpaksa menanam padi baharu dan menunggu sekitar Mac ini pula bagi menuai hasil selain terpaksa berdepan dengan musim kemarau selepas ini.

“Setiap kali tenggelam, memakan masa lama untuk surut menyebabkan padi rosak. Kita ada menamatkan masalah ini kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) namun tiada

boleh mencecah RM100,000.

“Kami harap sekatan di Sungai Pengkalan Asam itu dibuang. Apabila tersekat menyebabkan air melimpah ke sungai-sungai lain khususnya di kawasan Arau seterusnya melimpah ke kawasan sawah,” katanya.

Rakannya, Suvit Odum, 45, dari Kampung Alor Banat pula berkata, dalam tempoh beberapa bulan ini, kawasan bendangnya sudah tiga kali tenggelam dengan kerugian dianggarkan

RM20,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



**NURULHISHAM** Yaakob menjawab soalan dalam sidang DUN Perlis di Kompleks DUN Perlis semalam.

## Eksplotasi harga punca masalah bekalan benih padi

**KANGAR:** Eksplotasi harga antara pengeluar dan ejen selain pembelian panik benih padi dalam kalangan pesawah khususnya pada musim kedua tanaman menjadi antara faktor masalah kekurangan bekalan dan kenaikan harga benih itu berlaku.

Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, antara faktor lain seperti kecenderungan petani memilih benih daripada variasi tertentu, kesukaran mendapat benih padi subsidi di pasaran selain pesawah tidak mengikut jadual penanaman

yang disyorkan pihak berwajib.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan telah mengatur beberapa langkah bagi mengatasi masalah tersebut antaranya dengan mengemas kini dan meneliti perancangan penanaman supaya selaras dengan keperluan dan permintaan benih padi setiap musim.

“Selain itu, mengemas kini stok bekalan benih padi sah secara mingguan, mengaktifkan kesemua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk lebih sensitif dan responsif terhadap isu berkaitan serta membuat pemantauan

berkala,” katanya dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis di sini, semalam.

Sebelum ini, ribuan pesawah dari negeri ini dianggarkan mengalami kerugian mencecah RM48 juta satu musim berikutan masalah kelewatan serta kekurangan bekalan benih padi yang dikatakan berlarutan sejak 10 tahun lalu.

Masalah tersebut khususnya berlaku pada musim kedua tanaman padi sekitar bulan September hingga Oktober menyebabkan hasil padi merosot sehingga 50 peratus.